

U GB 06-01 00200 BH297

BAH

Mahathir - Indochina

MALAYSIA BERSEDIA BANTU PEMULIHAN SEMULA EKONOMI INDOCHINA
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI)

I

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata, Malaysia, seperti Thailand, gembira dapat membantu dan menyumbang ke arah pembangunan semula ekonomi Vietnam, Laos dan malah Kemboja melalui perdagangan dan pelaburan swasta.

Adalah membanggakan melihat pemulihan ekonomi berlaku di negara-negara ini, katanya pada jamuan malam meraikan rakan sejawatannya dari Thailand, Encik Chuan Leekpai di Seri Perdana, di sini malam ini. Chuan tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia.

+Kami berbuat demikian dengan kepercayaan bahawa Kemboja, Laos dan Vietnam yang makmur dan stabil, mempunyai hubung kait rapat dengan Asean atau sebagai anggota Asean akan menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kemakmuran seluruh Asia Tenggara,+ kata Dr Mahathir dan menambah kata bahawa sama juga dengan Myanmar.

Atas alasan ini Malaysia memandang serius keengganan Khmer Rouge untuk menyertai sepenuhnya proses perdamaian di Kemboja, katanya.

+Pendirian seumpama itu membawa bersamanya risiko menjerumuskan negara itu kembali ke dalam kancang perang saudara, menjejaskan keamanan dan kestabilan seluruh rantau ini,+ katanya. -- Lagi.

▼06/01/20-17MST

U GB 06-01 00203 BH300

BAH

Mahathir - Indochina 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata, Malaysia merayu para pemimpin Khmer Rouge supaya kembali kepada proses perdamaian dan menyelamatkan negara itu daripada huru-hara dan kesengsaraan.

Katanya, sedang Asean berdiri teguh di belakang usaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menguatkuasakan Perjanjian Paris, Malaysia secara khusus menghormati keputusan Thailand untuk menguatkuasakan sepenuhnya sekatan perdagangan Majlis Keselamatan PBB terhadap Khmer Rouge walaupun sebahagian kepentingan perniagaan Thailand mungkin terjejas.

Mengenai kerjasama antara Malaysia dan Thailand, Dr Mahathir berkata, ia sangat kukuh dan menambah kata bahawa lebih banyak yang perlu dilakukan untuk merebut sepenuhnya peluang-peluang perdagangan dan ekonomi yang terdapat di kedua-dua negara.

Katanya, Malaysia dan Thailand telah membina rangkaian kerjasama yang mengagumkan sejak beberapa tahun dan ini mendatangkan kejayaan besar dalam usaha menentang penganas komunis di sepanjang sempadan bersama, yang berakhir dengan penghapusan ancaman penganas komunis pada 1990.

+Kita telah sama-sama mendapat faedah daripada kerjasama dalam bidang seperti usaha menghalang pengedaran dadah, pertanian, pengangkutan dan perhubungan.

+Dengan tamatnya ancaman penganas komunis di kawasan sempadan bersama kita telah membuka skop baru dalam kerjasama sama ada di peringkat kerajaan mahupun sektor swasta dalam bidang ekonomi serta sosial,+ kata Dr Mahathir.
-- Lagi.

Y06/01/20-35MST

U GB 06-01 00139 BH304

BAH

Mahathir - Indochina 3 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Mengenai isu antarabangsa yang lebih luas, beliau berkata, adalah sukar bagi Malaysia untuk tidak mengendahkan kematian, kesengsaraan, kebuluran dan kekejaman terhadap hak kemanusiaan yang berlaku, terutamanya di Somalia dan Bosnia-Herzegovina.

Katanya, walaupun Malaysia merasa lega dengan keadaan di Somalia yang semakin baik berikutan penghantaran tentera antarabangsa yang diketuai Amerika Syarikat ke negara itu, keadaan di Bosnia-Herzegovina terus membimbangkan.

+Tentera Serbia melepaskan tembakan ke atas orang awam di Sarajevo dan bahagian-bahagian lain yang dikuasai rakyat Bosnia.

+Beribu-ribu rakyat Bosnia, yang beragama Islam dan bukan Islam telah dirogol, disiksa dan dibunuh beramai-ramai setiap hari,+ katanya.

Dr Mahathir bertanya berapa ribu lagi yang terpaksa dibunuh serta disiksa sebelum PBB mahu menggunakan kekerasan dan menambah kata bahawa perundingan damai terbukti sia-sia sahaja. -- Bernama.